

**Raja Singam a/l Velu lwn Affin-ACF Finance Bhd dan lain-lain**

A

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S7-21-295  
TAHUN 2005

TENGKU MAIMUN PK  
3 AUGUST 2007

B

*Acara Civil — Penyata tuntutan — Pembatalan — Tuntutan demi ‘kepentingan umum’ — Sama ada tuntutan plaintif mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap defendant — Sama ada plaintif memplidkan kesnya dengan sewenang-wenangnya — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)(a)*

C

Plaintif, seorang peguambela dan peguamcara telah membawa writ saman terhadap defendant pertama dan kedua bersama enam lagi defendant-defendant atas tindakan-tindakan mereka yang dikatakan telah melanggar hak-hak plaintif. Tuntutan plaintif terhadap defendant-defendant timbul daripada perjanjian sewa beli yang dimasuki di antara plaintif dan defendant pertama serta defendant kedua pada 20 September 2004 ('perjanjian tersebut'). Berikutan kegagalan plaintif menjelaskan ansuran bulanan kepada defendant pertama dan kedua bagi kenderaan bernombor WFF 9388 ('kenderaan tersebut') di bawah perjanjian tersebut, kenderaan tersebut telah ditarikbalik oleh ejen-ejen, pengkhidmat-pengkhidmat dan/atau pekerja-pekerja defendant pertama dan kedua. Plaintiff memohon antara lain untuk deklarasi bahawa plaintif berhak melindungi haknya di bawah Perlembagaan Persekutuan, Akta Profesyen Undang-Undang 1976, Akta Sewa Beli 1967 dan Peraturan Sewa Beli (Pemilikan semula dan Penyelenggaraan rekod oleh Pemilik) 1976 ('peraturan sewa beli tersebut'); serta demi 'kepentingan umum' tindakan menarik-balik kenderaan oleh defendant pertama dan kedua seperti yang dilakukan oleh defendant pertama dan kedua tidak boleh dilaksanakan. Timbalan pendaftar telah membenarkan permohonan defendant pertama dan kedua untuk membatalkan perenggan-perenggan tuntutan 1, 2, 3, 8, 9, 10, 11, 12, 15, 24 dan 42 di dalam penyataan tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Plaintiff merayu.

D

**Diputuskan**, menolak rayuan plaintif dengan kos:

- (1) Perenggan-perenggan yang berkenaan di dalam penyata tuntutan plaintif tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap defendant pertama dan kedua. Deklarasi yang dipohon bersifat akademik dan pengataan plaintif bahawa tuntutannya demi 'kepentingan umum' adalah salah tanggapan dan tidak bermerit mengambilkira fakta bahawa tindakan ini adalah berdasarkan penarikan balik kenderaan persendirianya (lihat perenggan 12).
- (2) Plaintiff sewenang-wenang merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Akta Profesyen Undang-Undang 1976, 'hak rakyat umum' dan 'kepentingan awam'

E

F

G

H

I

- A dan dengan mengatakan bahawa defendan pertama dan kedua tidak diprejudis ternyata menunjukkan sikapnya yang tidak menghiraukan sama ada sebenarnya beliau mempunyai kuasa tindakan yang munasabah terhadap defendan pertama dan kedua yang merupakan asas bagi pemfailan tindakan oleh plaintif dan bukannya sama ada defendan-defendan akan diprejudiskan ataupun tidak. Rujukan kepada peraturan sewa beli tersebut yang tidak wujud sekali lagi mempamerkan sikap plaintif yang memplidkan kesnya sewenang-wenangnya (lihat perenggan 13).
- B (3) Deklarasi yang dipohon di perenggan-perenggan 1, 2, 3, 8, dan 9 penyata tuntutan plaintif kononnya untuk mempertahankan hak atau kepentingan umum adalah remeh di mana pertikaian yang timbul di dalam tindakan ini hanyalah berkaitan kenderaan persendirian plaintif dan mahkamah tidak patut membentarkan relif yang dipohon sekadar untuk menjelaskan 'grey area' (lihat perenggan 15).
- C (4) Adalah juga jelas bahawa plaintif tidak mengendahkan prinsip-prinsip berkaitan pliding apabila gagal memplid fakta-fakta yang material bagi 'prayers' di perenggan-perenggan 10, 11, 12, 15, 24 dan 42. Berkenaan perenggan 5, perlu ditegaskan bahawa bagi maksud permohonan defendan pertama dan kedua di bawah O 18 r 19(1)(a) tiada rujukan dibuat kepada mana-mana affidavit. Sekali lagi hujahan plaintif yang merujuk kepada affidavit menggambarkan sikapnya yang sewenang-wenang (lihat perenggan 16).
- D (5) Plaintiff di dalam hujahannya tidak langsung merujuk kepada mana-mana peruntukan di dalam Akta Sewa Beli 1967 yang dikatakan telah dilanggar oleh defendan pertama dan kedua. Secara keseluruhannya, tuntutan plaintif di dalam perenggan-perenggan 1, 2, 3, 8, 9, 10, 11, 12, 15, 24 dan 42 tidak dapat bertahan terhadap defendan pertama dan kedua (lihat perenggan 17).
- E
- F

**[English summary]**

- G Plaintiff, an advocate and solicitor had brought a writ of summons action against the first and second defendants together with another six defendants for their actions which allegedly had breached the plaintiff's rights. The plaintiff's claim against defendants arose from a hire purchase agreement entered between the plaintiff and the first and second defendant on 20 September 2004 ('perjanjian tersebut'). Due to the plaintiff's failure to pay the monthly instalments to the first and second defendants for vehicle no WFF 9388 ('the said vehicle') under the said agreement, the said vehicle was repossessed by the first and second defendants' agents, servants and/or employers. The plaintiff prayed, inter alia, for a declaration that the plaintiff was entitled to protect his rights under the Federal Constitution, Legal Profession Act 1976, Hire Purchase Act 1967 and Hire Purchase (Recovery of Possession and Maintenance of Records by Owners) Regulations 1976 ('the said hire purchase regulation'); and for the purpose of 'public interest' the act of repossession of the vehicle by the first and second defendants could not be conducted. The Deputy Registrar allowed the first and second defendants' application to delete the claim paras 1, 2, 3, 8, 9, 10, 11, 12, 15, 24, and 42 in the plaintiff's statement of claim under O 18 r 19(1)(a) Rules of The High Court 1980. The plaintiff appealed.
- H
- I

**Held**, dismissing plaintiff's appeal with costs:

- (1) The said paragraphs in the plaintiff's statement of claim did not disclose any reasonable cause of action against first and second defendants. The declaration sought was academic in nature and the plaintiff's allegation that his claim for the purpose of 'public interest' was misconceived and without merit considering the fact that this action was based on repossession of his private vehicle (see para 12). A
- (2) Plaintiff acted arbitrary by referring to the Federal Constitution, Legal Profession Act 1976, 'public rights' and 'public interest' and by saying that the first and second defendants was not prejudiced, clearly showed his attitude which was not concerned whether he actually had a reasonable cause of action against the first and second defendants which was the basis of the action filed by plaintiff and not whether the defendants would be prejudiced or not. Reference to the said hire purchase regulation which was not in existence again showed the plaintiff's attitude when pleading his case arbitrary (see para 13). B
- (3) The declaration sought in paras 1, 2, 3, 8, and 9 of the plaintiff's statement of claim was said to protect the right of public interest was frivolous as the argument that arose in this action only related to the plaintiff's private vehicle and the court should not grant the relief sought in order to clarify the 'grey area' (see para 15). C
- (4) It was clear that plaintiff ignored the principles regarding pleadings when he failed to plead the material facts for prayers sought in paras 10, 11, 12, 15, 24 and 42. In relation to para 5, it must be asserted that for the purpose of the first and second defendants' application under O 18 r 19(1)(a) no reference had been made to any of the affidavits. Again the plaintiff's submission which referred to the affidavit showed his arbitrariness (see para 16). D
- (5) The plaintiff in his submission did not referred to any provision in the Hire Purchase Act 1967 which allegedly was breached by the first and second defendants. As a whole, the plaintiff's claim in paras 1, 2, 3, 8, 9, 10, 10, 11, 12, 15, 24 and 42 could not be sustained against the first and second defendants (see para 17). E

**A****B****C****D****E****F****G**

#### **Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai pembatalan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed 2004 Reissue) perenggan 2328–2331.

**H**

#### **Kes-kes yang dirujuk**

*Goh Joon v Kerajaan Negeri Johor & Ors* [1998] 7 MLJ 621 (refd)

#### **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Profesyen Undang-Undang 1976 s 42

Akta Sewa Beli 1967

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)(a)

Perlembagaan Persekutuan perkara 13

**I**

*Rajasingam (Raja Singam & Co) bagi pihak plaintif.*

*Justin TY Voon (Sidek Teoh Wong & Dennis) bagi pihak defendant.*

**A****Tengku Maimun PK:****B**

[1] Kandungan 43 adalah rayuan plaintif terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang telah membenarkan permohonan defendant pertama dan defendant kedua untuk membatalkan perenggan-perenggan 1, 2, 3, 8, 9, 10, 11, 12, 15, 24 dan 42 di dalam ‘prayers’ penyata tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19 (1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

**C**

[2] Di dalam kes ini plaintif telah membawa tindakan writ saman terhadap defendant pertama dan defendant kedua bersama enam lagi defendant-defendant atas tindakan-tindakan yang kononnya melanggar hak-hak plaintif.

**D**

[3] Oleh kerana permohonan defendant pertama dan defendant kedua dibuat di bawah perenggan (1)(a) A 18 k 19 KMT, saya hanya perlu merujuk kepada penyataan tuntutan plaintif untuk menentukan sama ada perenggan-perenggan yang ingin dibatalkan oleh defendant pertama dan kedua tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap defendant pertama dan defendant kedua dan sedemikian harus dibatalkan.

**E**

[4] Plaintiff adalah seorang peguambela dan peguamcara dan tuntutan plaintiff terhadap defendant-defendant timbul daripada perjanjian sewa beli yang dimasuki di antara plaintiff dan defendant pertama serta defendant kedua pada 20 September 2004 (‘perjanjian tersebut’). Berikutnya kegagalan plaintiff menjelaskan ansuran bulanan kepada defendant pertama dan defendant kedua bagi kenderaan bernombor WFF 9388 (kenderaan tersebut) di bawah perjanjian tersebut, kenderaan tersebut

**F**

telah ditarikbalik oleh ejen-ejen, pengkhidmat-pengkhidmat dan/atau pekerja-pekerja defendant pertama dan defendant kedua.

[5] Perenggan-perenggan di dalam penyata tuntutan yang berkaitan dengan permohonan defendant pertama dan defendant kedua diperturunkan di bawah:

**G**

1. Suatu deklarasi bahawa plaintiff pada kesemua masa material telah bertindak menegakkan dan melindungi hak dari segi undang-undang yang sedia ada di bawah Perlembagaan Persekutuan perkara 13.

**H**

2. Suatu deklarasi bahawa plaintiff pada kesemua masa material telah bertindak menegakkan dan melindungi hak kepentingannya demi kepentingan umum di bawah s 42 Akta Profesyen Undang-Undang 1976.

3. Suatu deklarasi bahawa plaintiff pada kesemua masa material telah bertindak menegakkan dan melindungi hak kepentingannya demi kepentingan umum di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan khususnya rr 29 dan 30 di dalam Hire Purchase (Recovery of Possession and Maintenance of Records by Owners) Regulation 1976.

**I**

8. Suatu deklarasi demi ‘kepentingan umum’ bahawa tindakan menarik-balik kenderaan (re-possess) oleh defendant pertama dan defendant kedua pada hari Ahad sama ada secara sendiri dan/atau menerusi ejen dan/atau pengkhidmat-pengkhidmatnya dan/atau pekerja-pekerjanya tidak boleh melaksanakan proses ‘re-possess’ pada hari Ahad atau pada hari cuti umum.

9. Suatu deklarasi demi 'kepentingan umum' bahawa tindakan menarik-balik kenderaan (re-possess) oleh defendan pertama dan defendan kedua menerusi ejen dan/atau pengkhidmat-pengkhidmatnya dan/atau pekerja-pekerjanya hanya boleh dilakukan dalam jangkamasa waktu di antara jam 9.30 pagi hingga 4 petang dad hari Isnin hingga Jumaat sahaja yakni waktu operasi perniagaan defendan pertama dalam jangkamasa waktu pejabat (office hour). A
10. Suatu deklarasi 'demi kepentingan umum' bahawa tindakan menarik-balik kenderaan (re-possess) oleh defendan pertama dan/atau defendan kedua menerusi ejen dan/atau pengkhidmat-pengkhidmatnya dan/atau pekerja-pekerjanya hanya boleh dilakukan oleh ejen dan/atau pengkhidmat-pengkhidmatnya dan/atau pekerja-pekerjanya atas nama siapa dan alamat yang termaktub dalam 'Memorandum to Re-possess' yang dikeluarkan oleh defendan pertama dan/atau defendan kedua. B
11. Suatu deklarasi demi 'kepentingan umum' bahawa defendan pertama dan/atau defendan kedua adalah terikat dan diwajibkan mengikuti dan memenuhi syarat-syarat di dalam r 30 yang termaktub di dalam Hire Purchase (Recovery of Possession and Maintenance of Records by Owners) Regulations, 1976 yang memperuntukkan seperti berikut apabila sesuatu kenderaan ditarik balik (re-possess):
  - (c) When taking possession of goods to be repossessed, the owner, before taking possession has to inform the hirer the name and address of the company, firm, body or organization to which he belongs. If the owner sends his servants or agents to repossess the goods, then the servant or agent has to show the hirer an authority card issued by the owner. D
  - (d) The owner, his servants or agents also has to show the hirer or the occupant of the hire's premises, his identity card before repossessing the goods. E
12. Suatu deklarasi demi 'kepentingan umum' bahawa jika/defendan pertama dan/atau defendan kedua melalui ejen, pengkhidmat dan pekerja gagal mematuhi peruntukan seperti yang termaktub dalam r 30 di dalam Hire Purchase (Recovery of Possession and Maintenance of Records by Owners) Regulations 1976 yang memperuntukkan seperti berikut apabila sesuatu kenderaan ditarik balik (re-possess):
  - (c) When taking possession of goods to be repossessed, the owner, before taking possession has to inform the hirer the name and address of the company, firm, body or organization to which he belongs. If the owner sends his servants or agents to repossess the goods, then the servant or agent has to show the hirer an authority card issued by the owner. F
  - (d) The owner, his servants or agents also has to show the hirer or the occupant of the hirer's premises, his identity card before repossessing the goods. G
15. Suatu deklarasi bahawa Kumar a/l Suppiah yang beralamat di Lot 11, Man 1C, Selayang Bam, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan tiada langsung mempunyai apa-apa kaitan dalam Perjanjian Sewa-Beli bertarikh 20 September 2004 bernombor 028-10-05780-6 dan Memorandum of Re-possess Order bertarikh 6 Oktober 2005 yang dikeluarkan kepada/defendan ketiga adalah salah dari segi undang-undang dan beliau juga tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan Perjanjian Sewa-Beli bertarikh 20 September 2004 bernombor 028-10-05780-6 di antara plaintiff dan defendan pertama. H
24. Secara alternatif suatu Perintah yang memerintahkan defendan kedua dan defendan ketiga membekalkan butir-butir pengenalan mengenai ejen-ejen dan/atau pengkhidmat-pengkhidmat dan/atau pekerja-pekerja yakni nama, nombor kad pengenalan dan alamat kediaman yang menarik kenderaan berjenama Honda 2.0L(A) yang bernombor pendaftaran WFF 9388 kepada plaintiff. I

- A 42. Ganti rugi terhadap anxiety yang ditanggung oleh keluarga plaintif yang terdiri daripada anak-anak yang berumur 15 tahun, 10 tahun dan 6 tahun berserta isterinya yang merupakan seorang guru yang mengajar di sekolah kerajaan.
- B [6] Peguam terpelajar defendan-defendant berhujah bahawa deklarasi yang dipohon di perenggan 1 dan 2 yang kononnya untuk menegakkan dan melindungi hak di bawah Perlembagaan Persekutuan serta Akta Profesyen Undang-Undang 1976 adalah akademik dan tidak produktif dan tidak patut dilayan oleh mahkamah. Untuk menyokong hujahnya peguam terpelajar defendant merujuk antara lain kepada kes *Goh Joon v Kerajaan Negeri Johor & Ors* [1998] 7 MLJ 621.
- C [7] Peguamcara terpelajar defendant pertama dan defendant kedua juga berhujah yang sama mengenai perenggan 3 dan menegaskan bahawa 'Regulations 29 and 30 of the Hire Purchase (Recovery of Possession and Maintenance of Records By Owner) Regulation 1976' tidak wujud. Apa yang dirujuk oleh plaintif adalah 'Guideline to Hire Purchase Act 1967' yang diterbitkan oleh Kementerian yang berkenaan dan ia bukanlah suatu undang-undang.
- E [8] Mengenai perenggan-perenggan 8 dan 9, peguamcara terpelajar defendant pertama dan defendant kedua berhujah bahawa tuntutan plaintif berkait dengan kenderaan persendirian dan tidak terdapat undang-undang atau peraturan yang menghalang penarikan balik kenderaan tersebut dibuat pada hari Ahad atau cuti umum.
- F [9] Berkennaan prayer 10 pula, peguamcara terpelajar defendant pertama dan defendant kedua berhujah bahawa tuntutan yang dikatakan berdasarkan 'public rights' adalah salah tanggapan. Plaintiff juga tidak memplid apa-apa fakta berkaitan dengan 'Memorandum to Re-possess' di dalam pernyataan tuntutannya, cuma memplid kesan undang-undang yang dipohnnya. Hujahan sama juga dibuat mengenai perenggan-perenggan 11 dan 12 yang mana kedua-dua perenggan ini sebenarnya adalah untuk relif yang sama.
- G [10] Demikian juga bagi perenggan 15. Dihujahkan oleh peguam terpelajar defendant pertama dan defendant kedua bahawa tidak ada fakta yang diplid di dalam pernyataan tuntutan plaintif, malahan nama Kumar a/l Suppiah langsung tidak disebut di dalam pernyataan tuntutan plaintif. Bagi perenggan-perenggan 24 dan 42 plaintif sekali lagi tidak memplid fakta yang menjadi asas kepada 'prayers' dan isteri serta anak-anak plaintif bukanlah merupakan pihak-pihak di dalam tindakan ini.
- I [11] Di dalam mempertahankan relif yang dipohon di dalam 'prayers' yang tersebut di atas, plaintif di dalam hujahan bertulisnya antara lain menyatakan seperti berikut:
- (1) Tindakan terhadap defendant pertama dan defendant kedua adalah berdasarkan perbuatan mereka yang melanggar peruntukan-peruntukan Akta Sewa Beli 1967.
  - (2) Deklarasi yang dipohon di perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 adalah merupakan hak-hak plaintif dan ia tidak memprejudiskan defendant pertama dan defendant kedua.

- (3) Deklarasi yang dipohon di perenggan 8, 9 dan 10 adalah untuk mengelakkan ‘grey area’ dan segi undang-undang dan deklarasi tersebut juga tidak memprejudis defendan pertama dan defendan kedua.
- (4) Deklarasi yang dipohon dalam perenggan-perenggan 11 dan 12 adalah hak plaintif dan rakyat umum dan deklarasi ini juga tidak memprejudiskan mana-mana pihak.
- (5) Deklarasi yang dipohon dalam perenggan-perenggan 15 dan 24 sepatutnya dibicarakan kerana fakta-fakta dan individu-individu yang terlibat adalah bercanggahan jika lau diteliti kesemua afidavit secara keseluruhan.
- (6) Permohonan di dalam perenggan 42 adalah suatu luntutan yang sah yang wujud akibat tindakan-tindakan dan perbuatan-perbuatan defendan pertama dan defendan kedua dan ejen-ejen mereka.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

[12] Meneliti perenggan-perenggan yang dirujuk di atas dan hujahan plaintif, saya berpuashati bahawa perenggan-perenggan yang berkenaan tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan pertama dan kedua. Deklarasi yang dipohon bersifat akademik dan pengataan plaintif bahawa tuntutannya demi ‘kepentingan umum’ adalah salah tanggapan dan tidak bermerit mengambilkira fakta baliawa tindakan adalah berdasarkan penarikan balik kenderaan persendirianya.

[13] Plaintif sewenang-wenang merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Akta Profesyen Undang-Undang 1976, ‘hak rakyat umum’ dan ‘kepentingan awam’ dan dengan mengatakan bahawa defendan pertama dan defendan kedua tidak diprejudis ternyata menunjukkan sikapnya yang tidak menghiraukan sama ada sebenarnya beliau mempunyai kuasa tindakan yang munasabah terhadap defendan pertama dan kedua yang merupakan asas bagi pemfailan tindakan oleh plaintif dan bukannya sama ada defendan-defendan akan diprejudiskan ataupun tidak. Rujukan kepada Peraturan yang tidak wujud sekali lagi mempamerkan sikap plaintif yang memplidkan kesnya sewenang-wenangnya.

[14] Di dalam kes *Goh Joon v Kerajaan Negeri Johor & Ors*, Abdul Malik Ishak H (beliau ketika itu) berkata di ms 630 bahawa mahkamah boleh menolak permohonan untuk relif deklarasi di dalam keadaan di mana ‘when the declaration may not be productive of any benefit to the party obtaining it’ atau ‘where the declaration will be infructuous or useless’.

[15] Deklarasi yang dipohon di perenggan-perenggan 1, 2, 3, 8, dan 9 kononnya untuk mempertahankan hak atau kepentingan umum adalah remeh di mana pertikaian yang timbul di dalam tindakan ini hanyalah berkaitan kenderaan persendirian plaintif dan mahkamah tidak patut membenarkan relif yang dipohon sekadar untuk menjelaskan ‘grey area’.

[16] Adalah juga jelas bahawa plaintif tidak mengendahkan prinsip-prinsip berkaitan pliding apabila gagal memplid fakta-fakta yang material bagi ‘prayers’ di perenggan-perenggan 10, 1.1, 12, 15, 24 dan 42. Berkenaan perenggan 5 hujahan plaintif yang dinyatakan di atas, perlu ditegaskan bahawa bagi maksud permohonan defendan pertama dan defendan kedua di bawah A 18 k 19(1)(a) tiada rujukan

**A** dibuat kepada mana-mana afidavit. Sekali lagi hujahan plaintiff yang merujuk kepada afidavit menggambarkan sikapnya yang sewenang-wenang.

**B** [17] Saya juga mendapati bahawa plaintiff di dalam hujahannya tidak langsung merujuk kepada mana-mana peruntukan di dalam Akta Sewa Beli 1967 yang dikatakan telah dilanggar oleh defendant pertama dan defendant kedua. Secara keseluruhannya, saya berpendapat tuntutan plaintiff di dalam perenggan-perenggan 1, 2, 3, 8, 9, 10, 11, 12, 15, 24 dan 42 tidak dapat bertahan terhadap defendant pertama dan defendant kedua dan sedemikian rayuan plaintiff terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang membenarkan perenggan-perenggan tersebut dibatalkan telah ditolak dengan kos.

*Rayuan ditolak dengan kos.*

Reported by Loo Lai Mee

**D**

**E**

**F**

**G**

**H**

**I**